

SOALAN LAZIM BERKENAAN PENGUMUMAN KERAJAAN TENTANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENGELAKKAN PENYEBARAN COVID-19

Q1: Susulan pengumuman kerajaan tentang Perintah Kawalan Pergerakan, bagaimanakah dengan status operasi MDEC ketika ini ?

A1 : Ibu pejabat MDEC serta pejabat satelit akan ditutup bermula 18 hingga 31 Mac 2020. Bagi memastikan kesejahteraan pekerja serta pelawat, kami akan beroperasi secara bukan dari pejabat dengan waktu urusan bermula pukul 9 pagi hingga 6 petang setiap Isnin hingga Jumaat. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, boleh hubungi kami di talian berikut:

Talian bebas tol : 1 800 88 8338 (Malaysia) +6 03 8315 3000 (Antarabangsa).

Bagi pertanyaan umum, sila hantarkan emel anda ke clic@mdec.com.my

Bagi urusan pekerja antarabangsa (perkhidmatan ekspatriat) sila rujuk Soalan 8 dalam FAQ ini atau emel kepada expatctr@mdec.com.my

Bagi pertanyaan berhubung COVID-19, sila hubungi talian hotline Perintah Kawalan Pergerakan 03-88882010.

Memandangkan kami beroperasi secara di luar pejabat, berkemungkinan akan berlaku sedikit kelewatan bagi setiap pertanyaan. Oleh itu, kami sangat menghargai kesabaran dan kerjasama anda.

Q2: Bolehkah permohonan untuk Pekerja Asing Berkemahiran, Program Keusahawanan Teknologi Malaysia (MTEP), Geran, Syarikat Malaysia Berstatus MSC serta Penyedia Perkhidmatan Teknologi (TSP) boleh dihantar sepanjang tempoh ini?

A : Ya, kesemua permohonan berkenaan boleh dihantar secara dalam talian dan butiran mengenainya adalah seperti berikut :

Jenis Permohonan	Submission
Pekerja Asing Berkemahiran Tinggi	http://www.expats.com.my Email: expatctr@mdec.com.my
Program Keusahawanan Teknologi Malaysia Geran	https://www.mtep.my/
Status MSC Malaysia (Untuk Perkhidmatan) Penyedia Perkhidmatan Teknologi.	Email: clic@mdec.com.my

Q3 : Bagaimana untuk menyemak permohonan yang telah dihantar kepada MDEC?

A : Sila rujuk status permohonan di pautan berikut ;

Jenis Permohonan	Penghantaran
Pekerja Asing Berkemahiran	http://www.expats.com.my Emel expatctr@mdec.com.my
Program Keusahawanan Teknologi Malaysia (MTEP)	https://www.mtep.my/
Geran	Email: clic@mdec.com.my
Status MSC Malaysia (untuk perkhidmatan)	
Penyedia Perkhidmatan Teknologi.	

Q4 : Sekiranya saya telah membuat temujanji dengan kakitangan MDEC, apakah statusnya?

A : MDEC akan meneruskan perkhidmatan secara bukan dari pejabat. Sebarang temujanji mesyuarat adalah dicadangkan dibuat menerusi telefon atau sidang video. Masyarakat sangat digalakkan untuk menggunakan aplikasi elektronik atau perkhidmatan dalam talian untuk berinteraksi dengan MDEC dan mengamalkan jarak sosial bagi membendung penularan COVID-19.

Q5 : Adakah perkembangan ini memberi kesan kepada inisiatif MDEC?

A : Pada masa ini, kesemua inisiatif MDEC akan diteruskan seperti biasa sehingga arahan selanjutnya. Orang ramai dinasihatkan merujuk laman web MDEC atau saluran rasmi lain untuk sebarang kemaskini.

Untuk Pelanggan MSC Malaysia

Q6 : Kami telah meminta MDEC melakukan lawatan tapak untuk latihan penilaian lokasi. Bagaimana dengan status permohonan ini?

A: Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan di seluruh negara oleh kerajaan bermula 18 hingga 31 Mac 2020, MDEC akan menggantung sementara aktiviti penilaian lokasi sehingga notis lanjut.

Q7 : Saya akan memulakan operasi di Malaysia dalam tempoh dua bulan. Bolehkah urusan perbadanan syarikat diteruskan?

A : Sila rujuk garis panduan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di [sini](#).

(PERTANYAAN BERHUBUNG PERKHIDMATAN EKSPATRIAT)

Q8 : Bolehkah penghantaran permohonan Peringkat 1 seperti biasa dilakukan ketika Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan?

A : Ya, anda masih boleh menghantar permohonan Peringkat 1 secara dalam talian menerusi Sistem eXpats (<http://www.expats.com.my>) seperti biasa. Bagaimanapun, tidak ada keputusan berhubung SEMUA permohonan (Baharu, Pembaharuan, Pertukaran Pekerja dan Perubahan Jawatan) sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan kerana kelulusan di bawah Jabatan Imigresen Malaysia akan ditangguhkan.

Q9 : Apakah status permohonan Peringkat 1 yang telah dihantar untuk penilaian?

A : Permohonan Peringkat 1 untuk pembaharuan, pertukaran pekerja dan perubahan jawatan akan diproses seperti biasa namun mungkin berlaku sedikit kelewatan. Bagaimanapun, permohonan baharu untuk Pekerja Asing Berkemahiran Tinggi yang ketika ini tidak berada di Malaysia akan ditangguhkan sehingga notis lanjut kerana mereka tidak dibenarkan memasuki negara ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan kerajaan.

Q10 : Apakah langkah yang perlu dilakukan untuk permohonan yang akan tamat tempoh.

A : Sila semak pengumuman semasa oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Q11 : Sekiranya saya mempunyai urusan mustahak yang memerlukan saya keluar dari Malaysia segera tetapi paspot masih berada di MDEC. Apakah tindakan selanjutnya.

A : Anda dinasihatkan menghubungi hotline 019-2688830 untuk khidmat nasihat.

Q12 : Bagaimana saya boleh menghantar paspot untuk 'endorsement'/permindahan/pas khas/pembatalan/rayuan/kebenaran belajar/dokumen kebenaran permohonan eXpats di Pusat Perkhidmatan MDEC?

A: Semua permohonan melalui kaunter MDEC akan ditangguhkan sehingga notis lanjut.

Q13 : Adakah pejabat Jabatan Imigresen Malaysia di Cyberjaya akan beroperasi seperti biasa sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa?

A : Tidak. Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia di Cyberjaya akan ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Q14 : Bolehkan saya menghantar pasport 'endorsement'/permindahan/pas khas/pembatalan/rayuan/kebenaran belajar/permohonan pembantu rumah secara terus ke Jabatan Imigresen Malaysia di Cyberjaya?

A : Tidak. Jabatan Imigresen Malaysia di Cyberjaya tidak beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Bagaimanapun, sila peka dengan pengumuman terkini oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Cyberjaya.

Bagaimanapun, bagi permohonan Peringkat 2 (endorsement), pasport hanya boleh dihantar ke MDEC selepas Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

Q15 : Apa yang perlu dilakukan sekiranya saya ditahan oleh polis atau Jabatan Imigresen Malaysia serta gagal menunjukkan pasport kerana tidak dapat mengambilnya disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan?

A : Sila bawa pasport anda sentiasa (salinan atau dokumen sokongan seperti bukti permohonan pasport termasuk emel, surat perjanjian) sebagai bukti sekiranya ditahan pihak berkuasa.

Anda juga boleh menghubungi talian kecemasan 019-2688830 untuk bantuan.

Q16 : Pas permohonan akan tamat tempoh dalam waktu terdekat dan kami tidak boleh meneruskan permohonan Peringkat 2 (endorsement). Apakah nasihat yang boleh diberikan?

A :Anda boleh meneruskan permohonan Peringkat 2 kepada MDEC seperti biasa selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

Q17 : Apa yang perlu dilakukan sekiranya perlu menghubungi MDEC sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan dan sekiranya mempunyai sebarang soalan.

A : Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, boleh menghubungi talian hotline kami iaitu 019-2688830 atau emelkan kepada

i) Helpdesk @ expatctr@mdec.com.my

ii) Pengurus Pelanggan;

a) hasniyati@mdec.com.my

b) suraya@mdec.com.my

c) norfaezah@mdec.com.my

d) liza@mdec.com.my

iii) Livechat/Chatbot at <http://www.expats.com.my>

Q18 : Bagaimana sekiranya kerajaan melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan pas terkini tamat dalam tempoh berkenaan?

A : Anda boleh meneruskan penghantaran Peringkat Kedua kepada MDEC mengikut prosedur biasa selepas Perintah Kawalan Pergerakan berakhir.

Q19 : Saya mempunyai pas sah di Malaysia dan ketika ini berada di luar negara. Bolehkan saya memasuki negara ini sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa?

A : Semua pemegang pas termasuk pekerja, pas sementara, pas lawatan sosial, pas sosial, pas penduduk tetap, pas lawatan profesional tidak dibenarkan memasuki Malaysia sekiranya mereka berada di luar negara sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.